


Author: Nur Syafiqah Maarof
Editor: Siti Amira Aisyah

Newsletter

What's Happening!

1. PEMAKLUMAN: PEMBUKAAN CAWANGAN BARU CTSB DI KUCHING SARAWAK



KUALA LUMPUR OFFICE X

 15 & 16, 2nd Floor Resource Centre, IIC Technology Park Malaysia, Lebuhraya Puchong-Sg. Besi Bukit Jalil, 57100 Kuala Lumpur
 +6019 321 6866

Kuala Lumpur

KUANTAN OFFICE X

 Level 6H, Level 6 Menara Zenith, Jalan Putra Square 6, 25200 Kuantan Pahang
 +609 531 6008

Kuantan



JOHOR BAHRU OFFICE X

 Level 30, Menara MSC Cyberport, No. 5, Jln Bukit Meldrum, 80300 Johor Bahru, Johor Darul Ta'zim Malaysia
 +607 276 1251

Johor Bahru

KUCHING OFFICE X


 A4 & A5, Ground Floor, Block B, TEGAS DIGITAL VILLAGE, Sama Jaya High Tech Park, 93350 Kuching, Sarawak
 +6010 564 8700

Kuching

2. PERSEDIAAN SEBAGAI PEMPAMER DI WORLD CONGRESS ON INNOVATION & TECHNOLOGY (WCIT) 2023

03/10/2023 (SELASA)

Persiapan yang telah dilakukan bersama Committee Event CTSB bagi Pameran yang akan diadakan pada 04hb Oktober 2023 sehingga 06hb Oktober 2023 di BCKK Kuching. Ia adalah persiapan bagi World Congress on Innovation & Technology. Persiapan ini telah dilakukan seawal 2 petang untuk memastikan booth pameran CTSB dalam keadaan baik dan di dalam keadaan yang kemas.




3. EXHIBITION WORLD CONGRESS ON INNOVATION & TECHNOLOGY (WCIT) 2023

04/10/2023 (RABU) – 06/10/2023 (JUMAAT)



CTSB antara syarikat yang telah mengambil bahagian dan merupakan salah satu pempamer di World Congress on Innovation & Technology (WCIT) 2023. Ia telah berlangsung selama 3 hari di Borneo Convention Centre Kuching (BCKK), Sarawak.

WCIT 2023 telah merangkul 2 tema dinamik "Memenuhi Janji Era Digital: Inovasi dan Teknologi Memacu Kemakmuran Ekonomi Keterangkuman Sosial dan Kelestarian Alam Sekitar" dan "Memajukan Ekonomi Digital untuk Pembangunan Mampan"



Hasilnya, CTSB menerima maklum balas yang positif dan peluang yang menarik dalam kolaborasi dan perniagaan. Staf CTSB yang ditugaskan sebagai pempaper adalah Syafiqah, Elisa, Jannah dan Yusuf. Ia juga telah disertai oleh En Ramlee, selaku CEO CTSB. Kebanyakkan pengunjung yang berkunjung ke booth adalah dari IBM, Huawei, SDEC, Sains, UTM, Unimas dan ramai lagi.

4. DEMO SISTEM BAGI TENDER PERAKAUNAN MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN (MBS)

09/10/2023 (ISNIN)

Pihak MBS telah menjemput syarikat CTSB untuk membuat pembentangan sistem bagi tender Perakaunan. Pembentangan tersebut telah disertai oleh Jabatan Kewangan, Teknologi Maklumat dan Jabatan lain yang berkaitan.

Pembentangan telah dilaksanakan selama 2 jam tersebut, berjalan dengan lancar dan mendapat maklum balas yang baik. Harapannya semoga CTSB meraih projek ini kelak.



5. JAMUAN PERPISAHAN MUHAMMAD AZHAD RIFQIE (EKSEKUTIF AKAUN)

10/10/2023 (SELASA)

Jamuan perpisahan kepada Muhammad Azhad yang telah memegang jawatan sebagai Eksekutif Akaun sepanjang tempoh hampir 3 tahun di syarikat CSTB.

Jamuan ini adalah bagi menghargai jasa, tenaga dan masa yang telah dicurahkan dengan baik sepanjang di syarikat. Ia telah diadakan di The Gig Level 30 dengan pelbagai juadah yang telah disediakan. Semoga Azhad berjaya di tempat yang baru dan menjalankan tanggungjawab dengan baik.

6. PEMBENTANGAN DEMOSTRASI SISTEM BERSEPADU KEPADA MAJLIS PERBANDARAN SUNGAI PETANI (MPSPK)

11/10/2023 (RABU)

Pihak MPSPK telah menjemput pihak syarikat CTSB untuk membuat pembentangan demostrasi sistem bersepadu. Pihak MPSPK berhasrat untuk melihat pembentangan berkaitan Modul Kewangan dan Hasil. MPSPK memaklumkan bahawa MPSPK memang berminat akan sistem yang dilaksanakan. Selanjutnya akan memaklumkan syarikat bagi cadangan perolehan dan akan dibincangkan dengan lebih lanjut.

7. LITTLE INNOVATE AT CYBER ROBOTICS MALAYSIA

12/10/2023 (KHAMIS)



Little Innovate adalah sebuah program yang dikendalikan dengan bangga oleh Cyber Robotics Malaysia, yang direka untuk memupuk minda muda di Little Shine Islamic Playschool. Inisiatif ini yang ditumpukan kepada Pendidikan STEM, bertujuan untuk mencetuskan rasa ingin tahu dan bertanya-tanya dalam diri anak-anak, sambil memberikan mereka pengenalan yang menarik kepada dunia robotik dan inovasi.

Bagi pihak Cyber Robotics Malaysia, kami ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada guru dan pelajar kerana menjadi sebahagian daripada perjalanan yang luar biasa ini.



8. INTERNATIONAL RESEARCH & INNOVATION SYMPOSIUM & EXPOSITION (RISE) 2023

17/10/2023 (SELASA) SEHINGGA 18/10/2023 (RABU)

CTSB antara syarikat yang telah mengambil bahagian dan merupakan salah satu pempamer di International Research & Innovation Symposium & Exposition (RISE) 2023. Ia telah berlangsung selama 2 hari di Dewan Sultan Ibrahim, UTHM.

International Research & Innovation Symposium & Exposition (RISE) 2023 merupakan pameran untuk mempamerkan produk dan teknologi inovatif di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) khususnya Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. RISE 2023 membawa bersama semua penyelidik dan pencipta ke satu tempat yang membolehkan perkongsian pengetahuan dan pengalaman. Selain itu, ia memudahkan proses pemandanan perniagaan dan pengkormersilan produk dan teknologi yang dipamerkan.

Hasilnya, CTSB menerima maklum balas yang positif dan peluang yang menarik dalam kolaborasi dan perniagaan. Staf CTSB yang ditugaskan sebagai pempamer adalah Ikhwan, Aisyah, Yusuf dan Alya (Pelatih Industri).



9. PEMBENTANGAN DEMOSTRASI MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH (MBMB)

18/10/2023 (RABU)

Pihak MBMB telah menjemput pihak syarikat CTSB untuk membuat pembentangan demostrasi sistem bersepada terutamanya bagi sistem bersepada. Pihak MBMB berhasrat untuk melihat pembentangan berkaitan Modul Cukai dan Penilaian. MPSPK memaklumkan bahawa MPSPK memang berminat akan sistem yang dilaksanakan. Selanjutnya akan memaklumkan syarikat bagi cadangan perolehan dan pembetangan selanjutnya bagi demostrasi Modul Kewangan yang akan ditetapkan kemudian.

Pembentangan tersebut telah disertai oleh En Ramlee, Suhana, Fadhzillah, Khalis dan Zawanah di MBMB.

10. SULAM CEDS 2023: THE CONNECTED WORLD OF ARDUINO

22/10/2023 (AHAD)



CTSB telah menyertai program SULAM CeDS 2023 yang telah diadakan di MRSM Muar pada 22 Oktober 2023. Ikhwan adalah sebagai wakil syarikat dan telah dilantik sebagai wakil penceramah. CTSB telah menyertai juga sebagai pempamer dan telah dilaksanakan oleh Yusuf dan Ikhwan.

11. SESI FINAL ACCEPTANCE TEST (FAT) SISTEM PEMANTAUAN TUNGGAKAN CUKAI HARTA MBIP

24/10/2023 (SELASA)

Satu sesi Final Acceptance Test (FAT) bagi Sistem Pemantauan Tunggakan Cukai Harta MBIP dan dijalankan bersama pegawai Cukai dan Teknologi Maklumat. Sesi tersebut dijalankan bersama Fadhzillah dan Inshirah.



>>> 12. PERSIAPAN BAGI FOMODSA SUK JOHOR

24/10/2023 (SELASA)



Persiapan bagi pameran FoMoDSA SUK Johor dibuat sehari sebelum pada hari pameran. Persediaan adalah bersama staff CTSB dalam persediaan pameran keesokan harinya. Pemasangan tv dan standee, persediaan brochure, goodies booth telah disediakan dan mengambil masa selama 2 jam dalam persediaan tersebut

13. PEMPAMER FOMODSA SUK JOHOR DI HOLIDAY VILLA JB

25/10/2023 (RABU)

FoMoDSA atau tajuk lainnya adalah Forum Pemodenan & Pendigitalan Sektor Awam telah diadakan pada 25hb Oktober 2023 bertempat di Holiday Villa JB.



CTSB adalah salah satu syarikat yang menyertai pameran tersebut. Pameran tersebut berfokus kepada garis panduan yang dibangunkan oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), agensi pusat yang menerajui pendigitalan awam.

Forum dan pameran tersebut telah dihadiri oleh pegawai PBT dan agensi kerajaan awam lain. CTSB juga telah menerima Sijil Penghargaan FoMoDSA 2023 yang disampaikan oleh Tn.Haji Mohamad Farid Bin Hassan selaku Pengarah IT ICT@Johor.

Ribuan terima kasih diucapkan atas penganjuran ini.



14. PENERIMAAN SURAT SETUJU TERIMA DARIPADA YDP MAJLIS DAERAH TANGKAK (MDT)

26/10/2023 (KHAMIS)

Jemputan oleh Yang Dipertua Majlis Daerah Tangkak (MDT) bagi penyampaian Dokumen Surat Setuju Terima bagi pembelian Server kepada CTSB telah dilaksanakan di Pejabat YDP MDT pada 26hb Oktober 2023 pada pukul 12 tengahari.

Penerimaan bersemuka tersebut secara langsung dapat membincangkan beberapa perkara berkaitan dan strategi pelaksanaan projek yang akan dijalankan di MDT. Perjumpaan tersebut telah mendapat kata sepakatan dan mengeratkan kesinambungan kerjasama antara MDT dan CTSB.



12/10/2023 (KHAMIS)

PENERIMAAN INTERNATIONAL CSR ICON LEADERSHIP AWARD UNTUK CYBERSOLUTION TECHNOLOGIES SDN BHD



Setinggi-tinggi tahniah kepada Cybersolution Technologies Sdn Bhd kerana dianugerahkan anugerah khas International CSR Icon Leadership Award semasa Seminar Kebangsaan ‘Menggalakkan Perpaduan Negara dan Pembinaan Negara melalui Perniagaan dan Keusahawanan’.

Seminar Kebangsaan ini telah dianjurkan oleh KSI Strategic Institute for Asia Pacific, Economic Club of Kuala Lumpur (ECKL) dan FGBMF Malaysia dan telah dijalankan pada 12 Oktober 2023 di Corus Hotel Kuala Lumpur.

Pada seminar itu, Anugerah itu telah disampaikan untuk mengiktiraf usahawan dan syarikat terkemuka atas sumbangan mereka kepada Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR). Kami amat berbangga kerana CTSB adalah salah satu daripadanya!

Kepada semua pasukan CTSB, tahniah atas kejayaan anda!



Tetamu Kehormat Seminar Kebangsaan,
T.Y.T. Tun Seri Setia (Dr) Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam,
Yang di-Pertua Negeri Melaka, bersama-sama penerima anugerah.



En Ramlee Jaafar bersama YB Datuk Aaron Ago Dagang,
Menteri Perpaduan Negara Malaysia